

# Paras air di Empangan Timah Tasoh tidak terjejas



PARAS air di Empangan Timah Tasoh, Padang Besar masih dalam keadaan normal meskipun Perlis mengalami kekurangan hujan sejak dua minggu lalu akibat fenomena Angin Timur.

**KANGAR** - Paras air di Empangan Timah Tasoh, Padang Besar masih dalam keadaan normal dan tidak terjejas meskipun negeri ini mengalami kekurangan hujan lebih dua minggu lalu.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perlis, Abdul Najib Abdullah berkata, setakat ini bacaan paras air Empangan Timah Tasoh berada pada tahap 29 meter dan tidak berlaku pengurangan yang ketara.

"Jadi setakat ini, tiada sebarang rancangan untuk mengadakan catuan bekalan air.

"Walaupun tidak hujan lebih dua minggu, bekalan air di Perlis merangkumi tiga daerah iaitu Kangar, Arau dan Padang Besar tidak terjejas," katanya ketika dihubungi semalam.

Empangan Timah Tasoh mewakili 40 peratus sumber air rakyat Perlis dan ia digunakan sepenuhnya untuk kegunaan domestik penduduk di Padang Besar.

Perlis kini mengalami fenomena Angin Timur yang dijangka berakhir pada Mac ini yang mendorong kurangnya hujan selain musim kering dan suhu panas berpanjangan.

Fenomena Angin Timur berlaku setiap tahun di negeri ini. Hakikatnya ia merupakan angin Monsoon Timur Laut yang bertiup pada bulan Disember hingga Mac.

Angin timur berlaku hanya sekali dalam setahun iaitu ketika hemisfera selatan Bumi paling condong ke arah matahari.

Uniknya, pada waktu siang suhu panas yang dicatatkan sekitar 32 darjah Celsius malah pernah melebihi 40 darjah Celsius khususnya di Padang Besar. Namun suhunya jatuh kepada 20 darjah Celsius pada waktu malam.